

12/02/2003

`Fahami dulu risiko sebelum buat pelaburan'

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan pelabur dalam amanah saham negeri supaya memahami risiko pelaburan mereka yang tidak semesti menjamin keuntungan.

Perdana Menteri berkata, mereka perlu menerima hakikat bahawa ada masanya pelaburan itu memperoleh keuntungan tetapi ada juga masa mereka terpaksa menanggung kerugian.

"Tetapi orang yang saya tak faham ialah mereka yang percaya pelaburan mesti untung sepanjang masa. Ada kalanya pelaburan tak untung, kita kena terima hakikat itu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas melancarkan projek Pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di ibu negara, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan diminta mengulas perkembangan usaha kerajaan menangani masalah yang dihadapi oleh hampir keseluruhan amanah saham negeri.

Berita Harian baru-baru ini melaporkan, kerajaan mungkin menubuhkan jentera tujuan khusus (SPV) bagi menyelamatkan beberapa amanah saham negeri dengan kira-kira 531,480 pelabur, yang prestasinya terjejas teruk akibat krisis kewangan 1997/98.

Antara amanah saham negeri yang prestasinya kurang memberangsangkan ialah Amanah Saham Selangor Bhd (Asas), Amanah Saham Sabah Bhd, Amanah Saham Johor (ASJ), Dana Johor, Amanah Saham Kedah Bhd dan Amanah Saham Darul Iman (Asdi).

Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mengkaji langkah mengurangkan kerugian yang ditanggung beberapa amanah saham yang dikendalikan kerajaan negeri.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan kerajaan negeri tidak akan berbuat demikian menerusi langkah bail-out (menyelamat) kerana ia membabitkan jumlah dana yang besar.

Semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan belum memutuskan lagi bentuk mekanisme bagi mempertingkatkan kedudukan amanah saham negeri itu.

Begitu pun katanya, ada pelabur yang selepas bertahun-tahun meraih keuntungan daripada pelaburan mereka, mempersoalkan mengapa pelaburannya boleh mengalami kerugian.

"Pelaburan tidak memberi jaminan keuntungan dan jika mereka mahukan jaminan itu, mereka boleh menyimpan wang di bank bagi mengumpulkan keuntungan menerusi faedah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menolak tanggapan kononnya Kuala Lumpur mempunyai lebih pusat bagi persidangan dan pameran antarabangsa.

Katanya, permintaan terus bertambah bagi bilik, dewan serta pusat konvensyen dan mesyuarat kerana Kuala Lumpur sudah menjadi sebuah kota raya serba maju.

"Kuala Lumpur semakin berkembang. Permintaan bilik, pusat konvensyen dan pameran antarabangsa bertambah. Semua ini perlu. Sekarang ini susah hendak dapat tempat untuk anjurkan majlis.

"Orang nak adakan majlis perkahwinan sekarang di hotel, tidak macam dulu pasang khemah buat di rumah. Banyak perkahwinan dibuat di hotel, (begitu juga) mesyuarat dan konvensyen.

"Tak cukup tempat. Banyak orang kena tangguh majlis kerana tak dapat tempat. Jadi, saya fikir tidak ada lebihan," katanya.

Ditanya perasaannya kerana "meninggalkan" pelbagai pembangunan ketara di Kuala Lumpur dan Putrajaya selepas bersara Oktober ini, Dr Mahathir

berkata:

"Saya tak tahulah sama ada saya meninggalkan sesuatu atau tidak. Saya berpuas hati dengan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara aman."